



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 OGOS 2020 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

15 OGOS 2020 (SABTU)

Pengilang tambah stok pelitup muka

KUALA LUMPUR - Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) menyambut baik pengumuman kerajaan untuk mengurangkan harga siling pelitup muka tiga lapisan kepada RM1 seunit daripada RM1.20 pada masa ini berikutan ia akan mengurangkan beban pematuhan yang dihadapi oleh pengeluar.

Presidennya, Tan Sri Soh Thian Lai berkata, sebagai langkah persediaan, ahli FMM yang mengeluarkan pelitup muka telah menambah stok bagi memenuhi permintaan domestik yang meningkat dan dapat menyelaraskan harga mereka sejajar dengan keputusan kerajaan.

“Persediaan telah dilakukan sejak pengumuman kera-

jaan sebelum ini mengenai penggunaan pelitup muka yang wajib di tempat-tempat awam yang sesak dan dalam pengangkutan awam berkuat kuasa pada 1 Ogos 2020,” katanya.

Pada Khamis lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi mengumumkan bahawa harga runcit siling baharu sebanyak RM1 seunit untuk pelitup muka tiga lapisan akan dikuatkuasakan mulai 15 Ogos.

Ia bagi membantu mengurangkan beban rakyat berikutan arahan kerajaan yang mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam bermula 1 Ogos susulan kes coronavirus (Covid-19) positif yang meningkat. -Bernama



Harga runcit siling baharu RM1 seunit untuk pelitup muka tiga lapisan dikuatkuasakan mulai 15 Ogos bagi membantu meringankan beban rakyat.

Penipuan dalam talian di lima negeri cecah RM30 juta

BAYAN LEPAS: Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) menerima sebanyak 300 aduan membabitkan penipuan secara dalam talian melibatkan kerugian berjumlah hampir RM30 juta dalam kalangan pengguna di lima buah negeri.

Ketua Biro Kebajikan MTPN, Datuk Seri Kenta Goh berkata, Johor dan Selangor mencatatkan jumlah aduan dan kerugian tertinggi diikuti Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan.

“Kesemua aduan ini dicatatkan bermula Mac sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sehingga Julai lalu.

“Punca utama menyebabkan banyak pengguna ditipu adalah kerana ketika PKP dilaksanakan lebih banyak urusan pembelian dan sebagainya

dijalankan secara online,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian MTPN Cawangan Pulau Pinang di Suntech, di sini semalam.

Majlis perasmian itu disempurnakan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Mohd. Rizuan Ab. Ghappar.

Menurut Goh, MTPN akan bertindak membantu pengguna dengan menyalurkan khidmat nasihat serta berhubung dengan KPDNHEP dan pihak polis.

“Tidak ramai yang sedar dan tahu mereka mempunyai hak tentang isu kepenggunaan.

“Ini menyebabkan mereka mudah tertipu oleh penipu yang menyamar dalam talian sehingga menyebabkan kerugian berjuta ringgit,” katanya.

Harga petrol RON95, RON97 naik lima sen

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing naik lima sen, manakala diesel naik tiga sen bagi tempoh 15 hingga 21 Ogos ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan Mekanisme Harga Automatik (APM), harga baharu seliter bagi RON95 adalah sebanyak RM1.68, RON97 (RM1.98) dan diesel RM1.82.

“Kenaikan ini dipengaruhi oleh perubahan harga minyak yang diproses selari dengan harga minyak mentah dunia

masa kini.

“Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan

mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan rakyat terpelihara,” menurut kenyataan tersebut. - *Bernama*






Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.95
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import	20
• Telur Gred A (30 biji)	10.58
• Ikan Kembung	6.99
• Minyak Masak	5.30
• Gula Pasir	2.75
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	3.20
• Cili Merah	6.90
• Kubis Bulat Tempatan	1.69
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP



New fuel prices
Aug 15 - Aug 21

RON97	RON95	Diesel
RM1.98 (+5 sen)	RM1.68 (+5 sen)	RM1.82 (+3 sen)

The graphic features a red circular icon of a fuel nozzle on the left. The text is arranged in a table-like format with three columns for different fuel types. The prices are highlighted in red, and the change in price is indicated in parentheses below each price.